

Bersama Membangun **Negara****LHDNM****Potongan, Pelepasan & Rebat Cukai**

he.he...Lagi besar keluarga..
lagi banyak dapat
pelepasan cukai



Nik, LHDNM Teluk Intan

Pengenalan

Individu pemastautin di Malaysia adalah layak menuntut pelepasan, potongan, dan rebat cukai

Pelepasan Cukai

JENIS PELEPASAN	HAD POTONGAN
Individu dan saudara tanggungan	RM9,000
Individu kurang upaya	RM6,000
Isteri/suami	RM3,000
Isteri/suami kurang upaya	RM3,500
Belanja perubatan ibu bapa sendiri yang disahkan oleh pengamal perubatan	RM5,000
Belanja membeli alat sokongan asas untuk diri sendiri, pasangan, anak atau ibu bapa yang kurang upaya	RM5,000
Belanja perubatan penyakit serius (termasuk belanja pemeriksaan perubatan yang lengkap terhad kepada RM500) untuk dirinya, pasangan atau anak	RM5,000
Yuran pendidikan (sendiri)	RM5,000
(i) Peringkat selain Sarjana atau PhD (Undang-Undang, Perakaunan, Kewangan Islam, Teknikal, Vokasional, Industri, Saintifik atau Kemahiran Teknologi)	
(ii) Peringkat Sarjana atau PhD (sebarang bidang atau kursus pengajian)	
Belanja pembelian buku, jurnal atau majalah	RM1,000
Pembelian komputer peribadi untuk individu (dibenarkan 3 tahun sekali)	RM3,000
Tabungan bersih dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) untuk anak	RM3,000
Pembelian peralatan sukan	RM300
Yuran langganan internet jalur lebar	RM500
Faedah pinjaman perumahan (mesti memenuhi syarat-syarat kelayakan)	RM10,000
Pelepasan anak:	
1. Bawah 18 tahun	RM1,000
2. 18 tahun dan ke atas:	
i. Bersekolah	RM1,000
ii. Belajar di Institusi Pengajian Tinggi	RM4,000
3. Anak kurang upaya	RM5,000
4. Anak kurang upaya yang belajar di Institusi Pengajian Tinggi	RM9,000
KWSP dan insurans nyawa (terhad RM6,000)	} RM7,000
Anuiti tertunda (terhad RM1,000)	
Premium insurans pendidikan dan perubatan	RM3,000

Penafian

Risalah ini diterbitkan untuk maklumat am sahaja. Ia tidak mengandungi nasihat muktamad atau maklumat lengkap mengenai sesuatu tajuk tersebut dan tidak seharusnya digunakan sebagai rujukan perundangan.

Potongan Cukai

JENIS POTONGAN	HAD POTONGAN
Hadiah wang kepada Kerajaan/Kerajaan Tempatan	TIADA
Hadiah wang kepada institusi atau organisasi diluluskan	
Hadiah wang atau kos sumbangan manfaat berupa barangan kepada aktiviti sukan atau badan sukan yang diluluskan	Terhad kepada 7% daripada Pendapatan Agregat
Hadiah wang atau kos sumbangan manfaat berupa barangan kepada projek berkepentingan negara yang diluluskan oleh Menteri Kewangan	
Hadiah artifak, manuskrip atau lukisan kepada kerajaan	TIADA
Hadiah wang untuk kemudahan perpustakaan atau kepada perpustakaan sekolah atau IPT	RM20,000
Hadiah wang atau sumbangan manfaat berupa barangan bagi menyediakan kemudahan di tempat awam untuk orang yang kurang upaya	TIADA
Hadiah wang atau kos peralatan perubatan kepada mana-mana badan rawatan kesihatan yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan	RM20,000
Hadiah lukisan kepada Balai Seni Lukis Negara atau mana-mana balai seni lukis negeri	TIADA

Rebat Cukai

JENIS REBAT	HAD POTONGAN	SYARAT
DIRI	RM400	Pendapatan Bercukai tidak melebihi RM35,000
ISTERI/SUAMI	RM400	Pendapatan Bercukai tidak melebihi RM35,000 dan suami/isteri tiada pendapatan/tiada jumlah pendapatan
ZAKAT/FITRAH	TIADA	Terhad sehingga Jumlah Cukai Dikenakan
FI/LEVI	TIADA	Dibayar oleh Pemegang Pas Penggajian, Pas Lawatan (kerja sementara) atau Pas Kerja



www.hasil.gov.my
1-300-88-3010